



**KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera**  
**30 Jun 2023**

## **ASB 3 DIDIK ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 5.00 SEN SEUNIT**

*Jumlah pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM368.15 juta, memanfaatkan lebih 300,000 pemegang unit*

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.
- ASB 3 Didik mengisyiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM368.15 juta yang memanfaatkan 312,476 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.00 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.76% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 224 mata asas.

**Kuala Lumpur, 30 Jun 2023:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik-(ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.

ASB 3 Didik mengisyiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM368.15 juta, bersamaan 5.00 sen seunit kepada 312,476 pemegang unit yang kini memiliki 7.36 bilion unit. Pengagihan pendapatan ASB 3 Didik mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank pada 2.76% sebanyak 224 mata asas.

Sehingga 26 Jun 2023, ASB 3 Didik merekodkan pendapatan bersih yang direalisasi sebanyak RM346.41 juta. Pendapatan dana ini diperoleh daripada keuntungan yang direalisasi, dividen serta pendapatan lain daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. Ekuiti domestik dan antarabangsa merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan masing-masing sebanyak 41.46% dan 29.75% daripada keseluruhan portfolio.

Prestasi dan keupayaan dana untuk menjana pendapatan adalah hasil strategi pelaburan yang berkesan, kepelbagai portfolio, dan pemantauan berwaspada terhadap arah aliran pasaran dan keadaan ekonomi. Dengan menguruskan risiko dan memastikan pulangan yang mampan, dana ini telah dapat menyediakan pertumbuhan jangka panjang untuk pemegang unitnya. Pemantauan prestasi berkala, ditambah dengan pengurusan risiko yang proaktif telah membolehkan ASB 3 Didik memberikan pulangan kompetitif secara konsisten.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut. Pengagihan yang diisyiharkan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2023.

Urus niaga ASB 3 Didik di semua cawangan dan ejen ASNB termasuk semua platform digital dan perbankan internet telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 27 hingga 30 Jun 2023 bagi memudahkan proses pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh melakukan urus niaga semula di portal myASNB ([www.myasn.com.my](http://www.myasn.com.my)) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB pada 1 Julai 2023, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara pada 3 Julai 2023.

-Tamat-

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank, dan Bank Islam. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik)**

Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) adalah dana harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2001 dengan objektif untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan jangka panjang yang berpatutan.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023  
DANA HARGA TETAP



## ASB 3 Didik

JUMLAH PEMBAYARAN  
PENGAGIHAN

**RM368.15**  
juta

JUMLAH  
PENGAGIHAN

**5.00**  
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.